




KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/9/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PENAT LAYAN 'EPISOD' BANJIR



PEGAWAI Khas Pejabat Adun Paya Jaras, Osman Ludin (kanan) bersama Warden Rumah Kasih Harmoni, Noor Azam Ismail memantau Sungai Kedondong yang menjadi punca banjir yang melanda di Kampung Paya Jaras Dalam, Sungai Buloh.

Penduduk serik insiden banjir kilat babit Sungai Kedondong



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Sungai Buloh

"Kami sudah rimas dengan banjir kilat yang berlaku saban tahun. Sebab itu kami sangat mengharapkan kerajaan (Selangor) segera menyelesaikan masalah ini," kata Azman Mohd Sirin, 56, penduduk jati Paya Jaras Hilir, di sini.

Sehubungan itu, katanya, lebih 1,000 penduduk yang terjejas dengan kejadian banjir kilat disertai lumpur dari limpahan Sungai Kedondong itu menyokong projek Rancangan Tebatan

Banjir Sungai Kedondong yang menjadi kontroversi ketika ini.

Menurutnya, kali terakhir banjir berlaku hingga air separas pinggang hampir semeter adalah pada 15 November lalu apabila air Sungai Kedondong yang bertembung dengan Sungai Buloh melimpah keluar.

"Sungai Kedondong kami gelar sebagai sungai busuk kerana airnya hitam disebabkan pelbagai sisa dibuang pihak tidak bertanggungjawab ke sungai ini yang bersambung dari Kayu Ara, Kota Damansara sehingga Kampung Baru Cina Sungai Buloh dan melalui kawasan kami.

"Segelintir penduduk tetap (PR) yang membina rumah di tebing sungai di atas tanah rizab sungai sepatutnya turut memikirkan juga nasib kami," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Rabu minggu lalu, sebanyak 36 rumah dirobohkan



ANTARA rumah yang diroboh pihak berkuasa bagi memberi laluan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedondong.

daripada 92 rumah dibanci untuk perobohan bagi laluan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedondong iaitu projek infrastruktur bernilai RM5.93 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Tindakan operasi penguatkuasaan bersepadu dibuat mengikut Seksyen 425, Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah Kerajaan.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman dihubungi berkata, pada asalnya bancian membabitkan perobohan 182 struktur.

"Namun saya kata jumlah itu terlalu besar. Jabatan Parit dan Saliran (JPS) kemudian mengecilkan rekabentuk projek itu dan akhirnya jumlah terbabit perobohan adalah 92 struktur.

"Selain itu bancian menunjukkan 85 peratus adalah pemegang status penduduk tetap (PR). Sebenarnya PR tak boleh mohon pun

Rumah Selangorku, namun atas ihsan kerajaan, kita kata kalau tak layak cari anak-anak mereka atau saudara-mara mempunyai MyKad yang kita boleh bantu," katanya.

Menurutnya, bukan mudah untuk laksanakan projek itu tetapi berhadapan situasi banjir adalah perkara yang kerajaan kena selesaikan.

"Tidak ada wakil rakyat yang suka tengok rakyatnya susah. Cuma keadaan ini dipolitikkan, diuar-uarkan, banyak cacian dan makian dibuat.

"Saya ingat itu adalah sebahagian kerja saya. Dilantik (wakil rakyat) untuk diterima pakej itu. Apa pun, yang terbaik untuk majoriti rakyat," katanya.

Katanya, projek bermula 2 Disember 2015 dan sepatutnya disiapkan pada 31 Mei 2017 namun mengalami kelewatan yang serius disebabkan adanya struktur yang menceroboh tanah kerajaan.



Kali terakhir banjir berlaku hingga air separas pinggang hampir semeter adalah pada 15 November lalu apabila air Sungai Kedondong yang bertembung dengan Sungai Buloh melimpah keluar"

Azman Mohd Sirin